

Headline	RM21j untuk Bakul Prihatin Negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	1,2
ArticleSize	522 cm <sup>2</sup>	Journalist	Saiful Haizan Hasam
PR Value	RM 52,054		



## PM lancar program Bakul Prihatin Negara

Seramai kira-kira 1.68 juta isi rumah terkesan akibat pandemik COVID-19 dapat manfaat daripada program Bakul Prihatin Negara dengan peruntukan RM21 juta.

**Nasional 2**

# RM21j untuk Bakul Prihatin Negara



Muhyiddin mengaminkan doa selepas melakukan tinjauan penyediaan Bakul Prihatin Negara di KPWKM, semalam. (Foto BERNAMA)

Pejabat Perdana Menteri, korporat salur dana sokong inisiatif terbaru

Oleh Saiful Haizan Hasam  
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM21 juta diperuntukkan bagi menjayakan inisiatif terbaru, Bakul Prihatin Negara, yang dilancarkan Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, sebagai menzahirkan kecaknaan dan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri yang mencekutkan idea berkenaan, berkata penyediaan bakul makanan itu membabitkan peruntukan RM5 juta yang disalurkan oleh Pejabat Perdana Menteri, manakala RM16 juta lagi disumbangkan oleh sektor korporat.

"Dalam soal pengurusan keba-

harian rakyat ini kita tak boleh berkompromi. Selagi masalah pandemik COVID-19 belum dapat diatasi dan soal ekonomi belum pulih, saya cukup prihatin dan rasa agak bertanggungjawab untuk menentukan kesejahteraan rakyat di negara kita.

"Tak kira apa latar belakang, di mana mereka berada, mestilah kita berikan sebaik-baik perhatian untuk membantu mereka," katanya selepas meninjau penyediaan Bakul Prihatin Negara, membabitkan pengalihan 420,000 bakul bantuan barangan keperluan kepada 1.68 juta penerima yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Dalam tinjauan itu, Perdana Menteri diiringi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun, turut menerima sumbangan RM16 juta daripada lima syarikat korporat bagi menjayakan program berkenaan.

Yayasan Petronas diwakili Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Petronas, Tengku Muhammad Taufiq Tengku Aziz, menyumbangkan sumbangan RM5 juta

dan AEON Big diwakili Ketua Pegawai Eksekutif AEON Group Malaysia, Shafie Shamsuddin, pula menyumbangkan sumbangan RM4 juta.

Pharmaniaga Bhd diwakili Pengerusi, Datuk Seri Mohammed Shazaili Ramly, menyumbangkan sumbangan RM3 juta; Tenaga Nasional Bhd (TNB) diwakili Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ir Baharin Din dan Telekom Malaysia Bhd, diwakili Pengerusi, Tan Sri Mohd Bakke Salleh masing-masing menyumbangkan RM2 juta.

Berkonsepan pendekatan masyarakat secara menyeluruh, inisiatif Bakul Prihatin Negara itu membabitkan kerjasama kerajaan dan syarikat korporat dan diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Penyampaian bantuan dilaksanakan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Setiap bakul makanan bernilai RM50 itu mengandungi beras, gula, tepung gandum, bi-

hun, kicap, sardin, biskut, kopi dan garam.

Muhyiddin berkata, tidak termasuk Bakul Prihatin Negara, setakat ini kerajaan menyalurkan 2.315 juta bakul makanan membabitkan peruntukan RM173.4 juta yang memanfaatkan 9.26 juta isi rumah sejak pelaksanaan Bantuan Bakul Makanan fasa pertama pada Mac tahun lalu.

"Sebahagian besar daripada kumpulan sasar yang ada baik M40, B40 atau T20 yang terkesan kerana tak boleh nak berniaga dan berhenti kerja, semua kita sampaikan bantuan," katanya.

Sementara itu, KPWKM dalam kenyataannya, berharap keprihatinan syarikat korporat yang tampil menyokong usaha menyalurkan bantuan kepada rakyat terkesan akibat COVID-19 mene-

rusi program itu, menjadi galakan kepada syarikat lain untuk turut menyumbang.

Katanya, Bakul Prihatin Negara juga adalah nilai tambah kepada Program Bantuan Bakul Makanan yang dilaksanakan kerajaan sebagai inisiatif Prihatin Rakyat seperti diumumkan sebelum ini, termasuk di bawah pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Pelan Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Rakyat Malaysia memerlukan bantuan Bakul Prihatin Negara boleh menghubungi Bilik Gerakan JKM di 108 daerah di seluruh negara, Talian Kasih di 15999 atau WhatsApp ke 019-261 5999.

**Senarai nombor telefon JKM seluruh negara Nasional 4**